

Kertas Bil. 10/2019



PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM
(PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC)
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR
BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2017 SIRI 1 (PENGURUSAN AKTIVITI /
KEWANGAN JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN
ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR
TERHADAP COMMUNICATION CORPORATION SDN
BHD (CCSB) PENGURUSAN AKTIVITI
DAN TADBIR URUS

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2017 SIRI 1 (PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR) TERHADAP COMMUNICATION CORPORATION SDN BHD (CCSB)-PENGURUSAN AKTIVITI & URUS TADBIR

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 68 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor 1965 berkenaan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan (PAC) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Keempat Belas Tahun 2019 pada 29 - 31 Julai 2019 & 1 - 2 Ogos 2019.

Ahli-ahli Jawatankuasa PAC bagi tahun 2019 terdiri daripada:

- | | |
|---|-----------|
| 1) Y.B. Tuan Rizam bin Ismail
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Pengerusi |
| 2) Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
(ADN Kawasan Bukit Lanjan) | Ahli |
| 3) Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Ahli |
| 4) Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5) Y.B. Puan Lim Yi Wei
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 6) Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik) | Ahli |
| 7) Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Jawatankuasa PAC telah membuat semakan dan penelitian ke atas Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 1 Tahun 2017 berkaitan Pengurusan Aktiviti Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Jabatan yang disepakati untuk disiasat adalah CCSB bagi isu pengurusan aktiviti dan tadbir urus.
- 2.2 Objektif penelitian dan siasatan ini dilakukan bagi mengenal pasti masalah-masalah pengurusan aktiviti yang dihadapi oleh CCSB seperti terdapat dalam teguran Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Isu-isu yang dibangkitkan adalah mengenai pengurusan aktiviti dan tadbir urus.
- 2.3 Hasil dapatan laporan ini di rumus daripada sesi taklimat, pendengaran tertutup dan dialog bersemuka antara Jabatan Audit Negeri Selangor (JANS), CCSB dan Jawatankuasa PAC secara berperingkat. Kemudahan portal AG's Dashboard milik Jabatan Audit Negara (JAN) di laman sesawangnya turut dimanfaatkan Jawatankuasa PAC bagi memudahkan rujukan penyiasatan.

3. PENEMUAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2017 SIRI 1

Berikut merupakan jadual bagi penemuan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) terhadap isu berstatus "dalam tindakan" oleh CCSB di AG's Dashboard beserta maklum balas CCSB.

ISU	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS CCSB
Pelantikan Pembekal Perkhidmatan	<p>Semakan Audit mendapati tiada pengesahan daripada Jawatankuasa Eksekutif dan kelulusan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bagi pelantikan pembekal perkhidmatan pencetakan dan pengedaran Selangor Kini bernilai RM4.87 juta bagi tahun 2016.</p> <p>Pelantikan pembekal adalah berdasarkan kepada prestasi tahun terdahulu namun tiada sebarang surat pelantikan yang dikeluarkan kepada pembekal bagi perkhidmatan tahun 2016.</p> <p>Hanya tiga (3) daripada 14 perolehan perkhidmatan yang bernilai RM4.54 juta daripada RM16.80 juta (27%) telah disediakan kontrak formal. Baki 11 perolehan perkhidmatan yang bernilai RM12.26 juta daripada RM16.80 juta (73%) tidak disediakan kontrak formal.</p>	Mulai bulan Mac 2017 CCSB telah memastikan semua pembekal perkhidmatan pencetakan dan pengedaran dilantik mengikut prosedur yang ditetapkan.

Pemantauan Maklum Balas	<p>Syarikat belum melaksanakan sistem pemantauan seperti yang dimaklumkan dalam Kertas MMKN tersebut bagi mendapatkan maklum balas rakyat berhubung komunikasi yang dijalankan.</p> <p>Sehubungan itu, syarikat tidak dapat menggunakan dapatan kajian tersebut untuk mengatur strategi komunikasi.</p>	<p>CCSB akan melantik agensi penyelidikan iaitu Institut Darul Ehsan untuk melaksanakan kajian bagi mendapatkan maklum balas rakyat berhubung dengan pemantauan dasar, hala tuju dan strategi komunikasi Kerajaan Negeri pada bulan Jun 2018.</p>
Lembaga Pengarah	<p>i. Komposisi keahlian Lembaga Pengarah CCSB mendapati semua Lembaga Pengarah CCSB adalah berstatus bukan bebas.</p> <p>CCSB boleh mempertimbangkan komposisi Lembaga Pengarah berdasarkan amalan terbaik bagi pengawasan yang lebih berkesan terhadap pihak pengurusan syarikat.</p> <p>ii. Tiada kod etika yang diguna pakai oleh pengurusan dan pegawai CCSB. Peranan Lembaga Pengarah CCSB dalam mewujudkan budaya korporat dan tata kelakuan beretika adalah penting di mana Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan kod etika rasmi bagi memastikan pelaksanaan sokongan sistem dalaman yang bersesuaian serta menjamin ketelusan syarikat.</p>	<p>Syarikat akan bekerjasama dengan MBI untuk mengkaji semula cadangan komposisi ahli bebas Lembaga Pengarah CCSB.</p> <p>Syarikat juga akan menggunakan Buku Panduan Peraturan Tatatertib Dan Disiplin dan Buku Panduan Pentadbiran Pengurusan Sumber Manusia yang diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah MBI Bilangan 4/2010 pada 30 Ogos 2010 untuk dibentangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) CCSB pada bulan Julai 2018.</p>
Ketua Pegawai Eksekutif	<p>i.Berdasarkan amalan terbaik, CEO hendaklah dilantik oleh pemegang saham / Menteri / agensi yang bertanggungjawab.</p> <p>Selain itu, <i>Green Book</i> perenggan 2.1.3 menyatakan tugas dan tanggungjawab CEO hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas.</p> <p>ii.Encik Eddie Adrianto bin Ahmad Khodzali telah dilantik sebagai Pengurus Besar pada 15 Oktober 2015 dan kemudian dilantik sebagai CEO pada 1 Januari 2016 melalui Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) pada 29 Februari 2016.</p>	<p>CCSB telah menyediakan surat pelantikan CEO CCSB untuk kelulusan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dalam mesyuarat Lembaga Pengarah CCSB Bilangan 2/2018 yang dijadualkan pada bulan Julai 2018.</p>

	Semakan lanjut Audit mendapati CCSB tidak mengeluarkan surat pelantikan sebagai CEO kepada Encik Eddie Adrianto bin Ahmad Khodzali.	
Prosedur Operasi Standard	<p>CCSB telah mempunyai SOP yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2016 dan 1 Oktober 2016. Bagaimanapun, SOP tersebut masih belum diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah CCSB.</p> <p>Semakan Audit selanjutnya terhadap SOP Jabatan Kewangan mendapati penambahbaikan perlu dilakukan terhadap prosedur perolehan yang mana CCSB tiada prosedur untuk menentukan had jumlah dan jenis pembekalan yang memerlukan kontrak formal.</p> <p>Ini perlu dibuat bagi menjaga kepentingan syarikat. Ketiadaan prosedur ini boleh menyebabkan tindakan tidak boleh diambil terhadap syarikat pembekal perkhidmatan sekiranya berlaku kecuaian syarikat yang membekal perkhidmatan.</p> <p>Selain itu, SOP bagi menilai prestasi kontraktor atau pembekal juga tidak disediakan menyebabkan prestasi pembekal tidak dapat diukur untuk pelanjutan atau pelantikan kontraktor dan pembekal pada masa akan datang.</p>	<p>Syarikat telah menyediakan SOP bagi semua jabatan berkuatkuasa pada 1 Jun 2016 dan 1 Oktober 2016 serta telah diluluskan di peringkat CEO.</p> <p>SOP ini akan dibentangkan untuk makluman Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2018 yang dijadualkan pada bulan Julai 2018.</p> <p>CCSB juga sedang mengemas kini untuk penambahbaikan SOP Jabatan Kewangan pada suku keempat tahun 2018 dengan mengambil kira segala teguran Audit yang berkaitan.</p>

4. TAKLIMAT TERTUTUP CCSB

4.1 Taklimat tertutup oleh CCSB pada 12 April 2019 telah diwakili oleh:

1. **Encik Eddie Adrianto bin Ahmad Khodzali** (Pembentang)
Ketua Pegawai Eksekutif
2. **Puan Lizawati binti Nor Muhamad**
Eksekutif Kanan Pengurusan Startegik & Risiko
3. **Encik Mohd Zulkefli bin Ismail**
Pengurus Kanan Perkhidmatan Korporat

4.2 Turut hadir adalah wakil daripada Jabatan Audit Selangor

1. **Puan Rokiah binti Sahat**
Timbalan Pengarah Audit
2. **Puan Wan Zainab binti Wan Yahaya**
Ketua Seksyen Audit

4.3 Jawatankuasa dimaklumkan mengenai perkara-perkara berikut:

4.3.1 Pengurusan Aktiviti

1) Pelantikan Pembekal Perkhidmatan

Mulai Mac 2017, CCSB telah memastikan semua pembekal perkhidmatan pencetakan dan pengedaran dilantik mengikut prosedur ditetapkan iaitu mematuhi SOP syarikat serta menyediakan kontrak formal perkhidmatan.

2) Pemantauan Maklum Balas

- 2.1 Pada Mei 2018, CCSB bersetuju dengan cadangan agensi penyelidikan Institut Darul Ehsan (IDE) untuk melaksanakan kajian bagi mendapatkan maklum balas rakyat berhubung pemantauan dasar, hala tuju dan strategi komunikasi Kerajaan Negeri pada Jun 2018.
- 2.2 Kajian dijadual bermula pertengahan Jun 2018 dan dijangka mengambil masa maksimum empat bulan sebelum dibentangkan kepada CCSB, Surat lantikan di dalam Lampiran 1.
- 2.3 Bermula November 2018, dari semasa ke semasa, CCSB secara lisan dan panggilan Institut Darul Ehsan (IDE) memberi maklum balas kajian. Awal 2019,

pesan email mula dihantar kepada IDE memohon perkembangan terkini kajian iaitu pada 24 Januari dan 15 Mac. Pada 27 Mac 2019, surat rasmi dengan tandatangan CEO sudah dihantar kepada IDE bagi memohon laporan dan perkembangan terkini kajian berkenaan dan perlu dihantar selewat-lewatnya 12 April 2019.

4.3.2 Tadbir Urus

1) Lembaga Pengarah

- 1.1) Syarikat akan bekerjasama dengan MBI untuk mengkaji semula cadangan komposisi ahli bebas Lembaga Pengarah CCSB. Syarikat juga akan menggunakan Buku Panduan Peraturan Pengurusan Tata tertib dan Disiplin dan Buku Panduan Pentadbiran Pengurusan Sumber Manusia diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah MBI bilangan 4/2010 pada 30 Ogos 2010 untuk dibentangkan dalam Lembaga Pengarah CCSB pada 13 September 2018.
- 1.2) Bagaimanapun, mesyuarat berkenaan terpaksa ditangguhkan kepada 5 Oktober 2018 atas sebab urusan rasmi YAB Dato' Menteri Besar.
- 1.3) Cadangan untuk makluman Ahli Lembaga Pengarah (ALP) seperti mana di dalam Lampiran 2. Selepas kemaskini, perkara berkenaan sudah dibentangkan pada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) CCSB Bil 02/2018 yang diadakan pada 6 Oktober 2018.

2) Ketua Pegawai Eksekutif

- 2.1) SOP Pengurusan Sumber Manusia MBI menyatakan pelantikan CEO anak syarikat dibuat oleh Jawatankuasa Imbuhan dan Percalonan MBI.
- 2.2) Pada 11 April 2016 mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) CCSB dimaklumkan bahawa MBI menerusi surat bertarikh 15 Mac 2016 bersetuju dan meluluskan pelantikan Encik Eddie Adrianto Ahmad Khodzali sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) 1 Januari 2016.
- 2.3) Ahli Lembaga Pengarah (ALP) mengambil maklum dan mengesahkan pelantikan berkenaan. Minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) CCSB Bil 01/2016 pada 11 April 2016.

- 2.4) Selepas kemaskini tarikh akhir perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) adalah pada 31 Disember 2018 dan pihak pengurusan CCSB telah memaklumkan perkara berkenaan kepada MBI.
- 2.5) Pada 19 Disember 2018 pihak MBI mengeluarkan surat makluman lanjutan perkhidmatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) bagi tempoh tiga bulan bermula 1 Januari 2019 sehingga 31 Mac 2019. Pada 31 Disember 2018, kelulusan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) diberikan menerusi resolusi bagi menyambung perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) di CCSB.
- 2.6) Pada tarikh sama, CCSB mengeluarkan surat lantikan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) bagi tempoh 1 Januari 2019 sehingga 31 Mac 2019. Pada 25 Mac 2019, pihak CCSB menerima surat makluman lanjutan perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) bagi tempoh tiga bulan lagi bermula 1 April 2019 sehingga 30 Jun 2019.
- 2.7) Pihak CCSB kini dalam proses melengkapkan segala dokumentasi bagi lanjutan perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) bagi tempoh seperti mana ditetapkan.

3) Prosedur Operasi Standard

- 3.1) Pada mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Bil 01/2015 bertarikh 27 November 2015, Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bersetuju dengan cadangan struktur pentadbiran dan penurunan kuasa dan had kelulusan dan penurunan kuasa termasuk cadangan prosedur kendalian standard seperti di para 4.4 Minit Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Bil 1/2015 dan bersetuju untuk memberi mandat kepada CEO CCSB untuk melaksanakan urusan berkaitan dengan cadangan di atas.
- 3.2) Berdasarkan kepada mandat tersebut, CEO CCSB telah meluluskan SOP semua jabatan pada Jun dan Oktober 2016. Namun, semua SOP berkenaan akan dibentangkan pada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Bil.02/2018 yang dijadualkan pada bulan 13 September 2018.
- 3.3) Bagaimanapun, mesyuarat berkenaan terpaksa ditangguhkan kepada 5 Oktober 2018 atas sebab urusan rasmi YAB Dato' Menteri Besar. Cadangan

untuk memaklumkan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) seperti mana di dalam Lampiran 2 (II. Makluman Penyediaan 32 SOP Jabatan & Kelulusan Penurunan Kuasa Meluluskan SOP Operasi Jabatan).

- 3.4) Selepas kemaskini, perkara berkenaan sudah dibentangkan pada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) CCSB Bil 02/2018 yang diadakan pada 6 Oktober 2018.
- 3.5) Ahli Lembaga (ALP) telah memberi mandat kepada Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) untuk meluluskan SOP berkaitan operasi syarikat sahaja. Sementara itu, Ahli Lembaga Pengarah (ALP) memutuskan sebarang pindaan kepada SOP Struktur Pentadbiran dan Penurunan Kuasa dan Had Kelulusan serta Penurunan Kuasa perlu dibentang untuk mendapatkan kelulusan Ahli Lembaga Pengarah (ALP).
- 3.6) Pihak CCSB masih menunggu Minit Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Bil 02/2018 yang baru sahaja disahkan menerusi Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Bil 01/2019 yang diadakan pada 28 Mac lalu.

5. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 5.1 Berhubung isu Pelantikan Pembekal Perkhidmatan Jawatankuasa mendapati bahawa tindakan pembetulan telah diambil oleh CCSB namun bukti dokumentasi perlu dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara dengan segera bagi membolehkan isu tersebut dikategorikan sebagai selesai oleh Jabatan Audit Negara (JAN).
- 5.2 Jawatankuasa mendapati isu Pemantauan Maklum Balas Rakyat masih belum selesai di mana Laporan Analisa daripada Institut Darul Ehsan (IDE) masih belum lengkap dan memerlukan CCSB untuk memberikan input tambahan kepada pihak Institut Darul Ehsan (IDE). Perkara ini adalah penting untuk dilaksanakan segera memandangkan bilangan pembaca dan edaran Selangorkini pada masa ini adalah kurang memuaskan. Dengan perbelanjaan peruntukan sebanyak RM9,159,000.00 pada tahun 2018 bagi tujuan percetakan dan edaran Selangorkini, ia seharusnya mampu berfungsi sebagai sumber media yang efektif bagi rakyat.

- 5.3 Isu pelantikan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bebas masih belum selesai di mana masih tiada keputusan daripada MBI tentang saranan JAN untuk memastikan sekurang-kurangnya separuh daripada komposisi Lembaga Pengarah CCSB berstatus bebas. Pada masa yang sama, jawatankuasa telah meneliti komposisi Ahli Lembaga Pengarah (ALP) MBI serta anak-anak syarikatnya dan mendapati hampir semua syarikat tidak mempunyai Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bebas.
- 5.4 Surat pelantikan Encik Eddie Adrianto bin Ahmad Khozali sebagai CEO CCSB mulai 1 Januari 2016 masih belum dikeluarkan oleh CCSB secara *backdated*. Ini boleh menyebabkan semua keputusan yang dibuat oleh beliau dalam tempoh tersebut dipersoalkan kesahihannya.
- 5.5 Berhubung isu Prosedur Operasi Standard Jawatankuasa mendapati bahawa tindakan pembetulan telah diambil namun dokumentasi perlu dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara (JAN) bagi membolehkan isu tersebut dikategorikan sebagai selesai.
- 5.6 Jawatankuasa juga mendapati tiada satu bahagian khusus yang memantau tadbir urus anak-anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri Selangor di peringkat Perbendaharaan Negeri Selangor atau UPEN.
- 5.7 Hasil semakan Jawatankuasa juga mendapati Ahli Lembaga Pengarah (ALP) CCSB hanya bermesyuarat sebanyak 2 kali setahun. Kekerapan ini dilihat tidak memadai untuk memantau aktiviti dan prestasi syarikat dengan lebih efektif.

6. SYOR JAWATANKUASA

- 6.1 Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bebas bagi CCSB perlu dibuat segera dan mesti berjumlah separuh daripada jumlah Ahli Lembaga Pengarah (ALP) sebagaimana yang ditetapkan di dalam *Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG)* 2017 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bebas boleh dilantik dalam kalangan ahli akademik, pengamal media dan lain-lain bidang yang sesuai termasuk Ahli Dewan Negeri (ADN).
- 6.2 Pada masa yang sama, MBI disaran untuk meneliti semula komposisi Ahli Lembaga Pengarah (ALP) syarikat dan anak-anak syarikat dan memastikan prinsip yang sama digunakan.
- 6.3 Surat lantikan pertama Encik Eddie Adrianto bin Ahmad Khozali sebagai CEO CCSB dikeluarkan segera supaya tidak menimbulkan implikasi terhadap segala keputusan syarikat serta pembayaran gaji beliau.
- 6.4 Kerajaan Negeri disarankan mewujudkan satu bahagian khas untuk memantau tadbir urus anak-anak syarikat kerajaan negeri.

- 6.5 CCSB perlu membuat perubahan strategi bagi menambahbaik sasaran bilangan pembaca Selangorkini dengan mendalami minat dan kecenderungan kumpulan sasar. Ini bagi memastikan peruntukan besar yang dibelanjakan setiap tahun membawa pulangan kepada Kerajaan Negeri dan sebaliknya tidak menjadi suatu pembaziran.
- 6.6 CCSB perlu memberi perhatian yang serius dalam mengambil tindakan-tindakan pembetulan dan penambahbaikan dengan segera bagi memastikan semua isu yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 1 Tahun 2017 berstatus selesai. Ini kerana sekiranya tindakan penyelesaian lambat diambil ia akan memberikan impak yang negatif kepada imej Kerajaan Negeri.
- 6.7 Ahli Lembaga Pengarah (ALP) CCSB perlu mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap bagi memastikan pemantauan aktiviti dan prestasi syarikat dapat dibuat dengan lebih efektif dan sebarang masalah atau kelemahan, jika ada, dapat dikenalpasti dan diselesaikan dengan segera.

7) PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (*Public Account Committee - PAC*). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (*Public Account Committee - PAC*) dalam mesyuarat jawatankuasa Bil.6 pada 8 Mei 2019.

Disahkan oleh:

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam
(*Public Account Committee - PAC*)
Dewan Negeri Selangor Keempat Belas Tahun 2019

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (*Public Account Committee - PAC*):

- | | |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Rizam bin Ismail
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
(ADN Kawasan Bukit Lanjan) | Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Ahli |
| 4. Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5. Y.B. Puan Lim Yi Wei
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 6. Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |
| 7. Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik) | Ahli |

URUS SETIA

- i) Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Muhajirih bin Ahmad Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Cik Nur Syahirah Shazrin binti Mat Rohani Pembantu Tadbir (Dewan)
- iv) Encik Abdul Muiz bin Azmi Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker
- v) Encik Ahmad Salami bin Zakuan Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

